

02 APR 1997

Mahathir-UPM

MAHATHIR LAWAT UPM ESOK

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di Serdang esok bagi melancarkan beberapa projek pembangunan teknologi maklumat universiti itu.

UPM ialah sebahagian dari kawasan untuk pembangunan teknologi maklumat dan multimedia dalam projek Koridor Raya Multimedia.

Menurut kenyataan universiti itu hari ini, Dr Mahathir akan melancarkan Pusat Inkubator Teknologi Satu UPM-MTDC, satu usaha sama UPM dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) Berhad, selain melancarkan UPMNet dan UPM Online serta melawat stesen satelit bumi Time-Telekom.

Lawatan ke pusat itu akan disiarkan "secara langsung" menerusi Internet.

Mereka yang ingin mengikuti majlis pelancaran itu boleh melawat ke tapak web di <http://202.186/53/3/pmvisit>.

Pegawai Perhubungan Awam UPM Amiruddin Abdul Aziz berkata Pusat Inkubator Teknologi Satu UPM-MTDC ditubuhkan tahun lepas untuk menggerakkan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi penggunaan teknologi maklumat dan multimedia.

Sebanyak sembilan syarikat telahpun beroperasi di pusat itu, yang pertama seumpamanya yang diwujudkan dalam kawasan kampus universiti di negara ini.

Ia menyediakan kemudahan kepada syarikat IT dan multimedia menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan.

UPMNet ialah rangkaian gentian optik yang menghubungkan keseluruhan kampus manakala UPM On-line ialah urusan penggunaan komputer dan pertukaran data untuk tujuan pentadbiran dan pendidikan.

Dr Mahathir juga akan diberi taklimat mengenai projek "Seorang Mahasiswa untuk Sebuah Komputer" di UPM yang bertujuan membolehkan setiap mahasiswa memiliki komputer bimbit menerusi skim pinjaman dari Bank Islam.

Perdana Menteri akan juga menghadiri dialog dengan mahasiswa dan kakitangan universiti itu. -- BERNAMA

NI MAI